

16 APR 2002

KOMPLEKS-BELI-BELAH/I

ZON BEBAS CUKAI STULANG AKAN JADI PUSAT SEHENTI TARIK PELANCONG

JOHOR BAHRU, 16 April (Bernama) -- Zon bebas cukai di Stulang dekat sini, akan bertukar menjadi pusat sehenti untuk kompleks beli-belah, perniagaan, hiburan, tempat rekreasi keluarga dan riadah sebaik sahaja projek pembangunan yang dikenali sebagai "Pembangunan Stulang" selesai menjelang akhir tahun 2004.

Pengarah eksekutif Kelana Megah Sdn Bhd, Daniel Looi berkata projek pembangunan yang dicadangkan itu termasuklah menaik taraf dan pengubahsuaian bangunan sedia ada di kawasan zon bebas cukai.

Kelana Megah telah mengemukakan pelan pembangunan kepada kerajaan negeri untuk mendapatkan kelulusan, kata beliau pada sidang media di sini hari ini.

Kelana Megah ialah anak syarikat Sriwani Holdings Bhd yang mengurus dan memajukan zon bebas cukai itu.

Looi berkata kos pembangunan projek yang akan dilaksanakan dalam lima fasa itu adalah dalam anggaran beberapa juta ringgit dengan jumlah kawasan pembangunan meliputi 200,000 kaki persegi.

Zon berkenaan yang menjadi pusat tarikan pelancong, terjejas oleh kemelesetan ekonomi dan menurut Looi "kini telah tiba masanya untuk membaik pulihnya semula".

"Kita perlu bergerak ke hadapan dengan menggunakan tanah dan air di kawasan ini," kata Looi.

Projek yang dicadangkan itu termasuklah memperkenalkan konsep yang sama seperti Bukit Bintang Walk di Kuala Lumpur, dengan tempat makan terbuka berhadapan dengan Selat Tebrau dan lot-lot kedai.

Looi berkata fasa pertama dijadualkan bermula dalam tempoh dua atau tiga bulan ini, melibatkan kawasan seluas 30,000 kaki persegi dengan kos bernilai RM2 juta.

"Kami berharap selepas siap keseluruhan projek, zon bebas cukai ini mampu menarik bukan sahaja pelancong tempatan tetapi juga pelancong dari Singapura, Batam, Indonesia dan Filipina," kata beliau.

Kompleks pelancongan bersepadu itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 18 April, 1988 dan telah diwartakan sebagai kawasan bebas cukai pada bulan Mei 1997. -- BERNAMA

RAM FR AA